

21 MAY 1999

SEBANYAK 12,000 HADIR PERHIMPUNAN PERPADUAN HARI PEKERJA ESOK

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kira-kira 12,000 orang mewakili golongan pekerja pelbagai sektor dari seluruh negara dijangka menyertai Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1999 di Stadium Putra, Bukit Jalil, esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan perhimpunan itu yang dibiayai bersama oleh kerajaan dan sektor swasta.

Selain Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek dan timbalannya Datuk Dr Affifuddin Omar, sambutan itu turut dihadiri Penolong Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa wilayah Asia yang berpejabat di Bangkok (Miss) Mitsuko Horiuchi serta wakil kesatuan-kesatuan sekerja dan majikan.

Sambutan kali in bertemakan "Bersatu Teguh Negara Kukuh" menekankan pentingnya perpaduan tiga pihak -- kerajaan, majikan dan pekerja -- bagi membantu memulihkan ekonomi.

Dr Mahathir juga dijadual menyampaikan 13 anugerah kepada pekerja dan majikan yang terpilih.

Antara anugerah itu ialah Tokoh Pekerja bagi lelaki dan wanita, Tokoh Pekerja Kurang Upaya bagi lelaki dan wanita, Majikan Prihatin, Ladang Bahagia serta Kesatuan Sekerja Contoh bagi sektor awam dan swasta.

-- BERNAMA

RZS NMO